



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 28 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TEBANG TANAMAN TRADITIONAL, TANAM DURIAN BERNILAI TINGGI, NEGARA, KOSMO -7	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	LKIM WAJIB BELI IKAN, MUKA DEPAN, UM-1 & 2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
3.	PERAIH BAYAR SESUKA HATI - NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -4	
4.	NELAYAN PILIH JUAL SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -4	
5.	NELAYAN PERLU TEGAS, USAH TUNDUK TEKANAN PERAIH, DALAM NEGERI, UM -5	
6.	AGROBANK SEDIA PEMBIAYAAN RM5j, BISNES, HM -23	AGROBANK
7.	NAGA EMAS JADI PENCABAR BAHARU, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN
8.	MOVE TO MODERNISE AGRICULTURE COMMUNITY IN RURAL AREAS, NEWS, THE SUN -3	
9.	UTAMAKAN INDUSTRY PERTANIAN TEMPATAN JAMIN KESELAMATAN MAKANAN, MINDA PEMBACA, BH -13	
10.	ANTARA BERTANI DAN BERPERANG, CETUSAN, SH -17	
11.	DURIAN SUSU ISI PUTIH, RASA PREMIUM, NASIONAL, SH -21	
12.	BEKALAN LEMBU KURANG 30 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -29	
13.	TEMPAHAN KAMBING NAIK SEMPENA AIDILADHA, DALAM NEGERI, UM -29	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Hanya terdapat sebatang pokok durian kampung itu di pekan Damak

## Naga emas jadi pencabar baharu



**KIM CHOOI** menunjukkan durian naga emas di dusunnya di Kampung Berchang, Damak, Jerantut baru-baru ini.

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**

**JERANTUT** – Naga emas yang bakal menjadi durian kampung premium baharu di Damak di sini kini menjadi buruan pengemmar raja buah dari seluruh negara.

Warna isinya berbeza mengikut saiz buah iaitu kekuningan bagi buah kecil, manakala buah bersaiz besar pula berwarna oren selain mempunyai rasa lemak manis serta sedikit pahit.

Malah, hanya terdapat sebatang pokok durian jenis naga emas di Damak yang ditanam di dusun milik Lim Kim Chooi, 62, di Kampung Berchang.

Kim Chooi berkata, pokok durian naga emas itu ditanam di dusun duriannya seluas 2.4 hektar yang turut mempunyai kira-kira 250 batang pokok durian.

"Setiap musim, pokok durian ini sentiasa berbuah lebat dan mengeluarkan hasil antara 250 hingga 300 biji dan biasanya gugur lebih awal berbanding durian kampung lain.

"Naga emas kini menjadi antara pilihan utama penjual durian di sekitar pekan Damak kerana mendapat permintaan tinggi termasuk ada pelanggan yang sang-



**KERATAN Kosmo/semalam.**

gup membuat tempahan awal," katanya baru-baru ini.

Ujarnya, pokok durian naga emas berkenaan ditanam oleh mentuanya melalui semaian biji durian yang diambil dari Terengganu, kira-kira 50 tahun lalu.

Katanya, buah bersaiz antara 1.2 kilogram (kg) hingga 3.2kg dengan warna kulit hijau keperangan itu dijual pada harga RM25 sekilogram.

"Isi naga emas menghasilkan aroma durian kampung yang asil dan rasa lemak manis serta sedikit pahit, malah seakan-akan isi melekat di kerongkong ketika ditelan menyebabkan pengemmarnya memilih durian ini," katanya.

Menurutnya, sehingga kini dia tidak dapat membawa naga emas

memasuki pertandingan durian kampung premium memandangkan buah itu luruh lebih awal berbanding durian kampung lain dan habis dalam tempoh dua minggu sahaja.

"Saya yakin sekiranya naga emas menyertai pertandingan, kemungkinan ada disenarikan untuk anugerah dalam kalangan durian yang terbaik di daerah ini, sekali gus dapat membantu rating di pasaran secara kompetitif dengan baka lain.

"Dua rakan saya yang juga peniaga iaitu Ahmad Mustafar dan Pak Mokhtar banyak membantu mempromosikan naga emas yang mula mendapat selera pelanggan," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad yang berniaga durian di pekan Damak berkata, naga emas mendapat perhatian pelanggan apabila mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan musang king dari segi rasa isinya.

"Keunikan naga emas, iaitu isinya warna kekuningan dan rasanya lemak manis dan sedikit pahit. Isi buah ini akan bertukar warna oren apabila saiznya lebih besar melebihi berat 3kg," ujarnya.

## Tebang tanaman tradisional, tanam durian bernilai tinggi

**JITRA** – Pengusaha dusun durian di daerah Kubang Pasu disarankan untuk menanam pokok durian daripada varieti yang berkualiti tinggi serta menakar tanaman secara tradisional kepada komersial untuk menjana pendapatan lebih lumayan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Kebajikan Kedah, Datuk Halimaton Shaadiah Saad berkata, sudah sampai masanya pengusaha dusun durian meningkatkan pengeluaran dan kualiti raja buah itu.

Katanya, harga sebiju durian berkualiti tinggi mencecah ratusan ringgit dan pengusaha dusun perlu merebut peluang itu dengan menanam lebih banyak pokok daripada varieti yang

mendapat permintaan tinggi.

"Hari ini pelbagai varieti durian yang terdapat di negara kita antaranya duri hitam, musang king, D24, kunyit dan XO yang trutu mendapat permintaan baik dari luar negara.

"Baru-baru ini juga Jabatan Pertanian negeri memperkenalkan dua lagi varieti baharu iaitu J. Sparrow dan Jerai dan usaha seperti ini diharap dapat membawa kejayaan dalam pertanian terutama durian di negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Hari Ladang dan Program Jelajah Durian Kampung Premium peringkat Kubang Pasu di Dataran Pusat Komuniti Desa Napoh (RTC) kelmarin.

Menurut Halimaton, pengusaha tanaman durian di Kubang Pasu perlu mengambil contoh pengusaha tanaman durian di Pahang sehingga berjaya menjadi pengekspor durian negara.

"Saya difahamkan ada usaha menjadikan durian tanaman dua musim setahun, justeru pengusaha dusun durian perlu mengubah sistem tanaman tradisional kepada ladang supaya dapat menjana pendapatan baharu kepada mereka.

"Berdasarkan statistik Jabatan Pertanian, jumlah pengeluaran durian negara kita dianggarkan 300,000 tan pada 2020 dan kini durian sudah menjadi barangan eksport terutama ke Singapura, China dan Hong Kong," katanya.



**HALIMATON** (tengah) pada Majlis Perasmian Hari Ladang dan Program Jelajah Durian Kampung Premium di Dataran Pusat Komuniti Desa Napoh (RTC) di Napoh dekat Jitra kelmarin.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

untuk ditentukan

# LKIM wajib beli ikan

Monopoli orang tengah selesai jika nelayan jual hasil laut kepada agensi kerajaan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) perlu dibenarkan membeli ikan secara terus daripada nelayan sekali gus melenyapkan peranan orang tengah yang menguasai pasaran dan menindas

nelayan.

Langkah itu juga selari dengan usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mahu memerangi golongan itu melalui Jihad Orang Tengah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed

Abdul Fasal berkata, selama ini, dasar supaya nelayan menjual terus ikan kepada LKIM tidak dilaksanakan menyebabkan mereka menjual kepada peraih-peraih atau orang tengah sehingga memberi peluang kepada pihak tersebut 'menekan' harga.

Menurut beliau, orang te-

ngah mengaut keuntungan tinggi kerana mereka juga memiliki bot-bot besar dan mampu membeli ikan secara pukal pada harga murah ketika pendaratan banyak untuk dibekukan dan dijadikan stok.

Bersambung di muka 2



## Rezeki nelayan

BEBERAPA nelayan tempatan membawa hasil laut yang ditangkap di perairan Pantai Merchang di Marang semalam. -UTUSAN/PUQTRA HAIRRY



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

# LKIM wajib beli ikan

Dari muka 1

Menurut beliau, orang tengah ini akan mengaut keuntungan tinggi kerana mereka mempunyai bilangan kapal besar yang banyak dan mampu membeli ikan secara pukal pada harga murah ketika pendaratan banyak untuk dibekukan dan dijadikan stok.

Beliau berkata, mereka mengambil kesempatan terutama seperti pada musim tengkujuh atau berlaku kekurangan bekalan lalu orang tengah yang mempunyai stok yang banyak akan mengeluarkan stok mereka dan mula menekan harga.

"Mereka (orang tengah) kawal pembelian ikan dan nelayan tidak ada pilihan untuk jual, mereka akan menekan harga kepada nelayan ketika membeli.

"Sebab ikan ini permainan dia kena ada kapasiti beli dan simpan. Bila dah simpan maka mereka akan mengeluarkan ikan dari stok ketika musim tengkujuh atau bekalan kurang, tetapi dengan menjual pada harga mahal," katanya di sini semalam.

*Utusan Malaysia* kelmarin melaporkan kira-kira 90,000 nelayan kecil tempatan di seluruh negara mengeluh ekoran nasib mereka tidak berubah sejak sekian lama dan mendakwa ditindas pemain industri gergasi dalam sektor perikanan.

Nelayan-nelayan kecil dengan 70,000 membabitkan nelayan Melayu itu mendakwa hasil laut mereka terpaksa dijual kepada orang tengah yang turut memiliki bot besar dengan harga rendah kerana mereka 'tiada akses' memasarkan hasil laut kepada pemborong.



SYED ABU HUSSIN

Penguasaan orang tengah yang sudah lama telah membentuk rangkaian menyebabkan mereka yang menentukan harga ikan di pasaran sehingga ikan rakyat seperti pelaling dan kembong dijual lebih RM12 sekilogram dengan hanya menjadikan cuaca sebagai alasan.

Syed Abu Hussin berkata, jihad memerangi orang tengah sudah lama dibangkitkan semasa Ismail Sabri memegang jawatan Menteri Pertanian, namun isu itu belum mampu diselesaikan sehinggalah beliau sudah menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, kerajaan sebenarnya boleh menyelesaikan isu penindasan ke atas nelayan dengan menggunakan 'faktor penarik' iaitu hanya LKIM membeli ketika ikan mendarat dan seterusnya agensi itu akan membekukan ikan untuk dijadikan stok selain mengelak tindakan manipulasi yang cuba dihalalkan pihak tertentu.

Menurut beliau, apabila pembelian daripada LKIM, nelayan akan diberi harga adil

seterusnya menarik minat nelayan untuk menambah hasil tangkapan sekali gus menutup peluang orang tengah masuk dalam pasaran.

Jelasnya, hanya agensi kerajaan yang boleh melaksanakan langkah ini kerana ada akta dan peraturan serta boleh mengarahkan mana-mana pengusaha menjual sabahagiannya untuk simpanan negara.

Bagaimanapun, kata beliau, apa yang mengecewakan, selama ini LKIM tidak berbuat begitu malah terdapat dua buah kilang sejuk beku tidak beroperasi iaitu di Kuala Besut dan Kuala Kedah.

"Kita ada 43 pusat pendaratan ikan seluruh negara, malangnya kita tak beli ikan. Selama ini nelayan jual kepada peraih, inilah yang membuka peluang orang tengah untuk masuk.

"Kalau ada dasar hanya LKIM boleh beli, beku dan simpan ikan, maka apabila orang tengah nak naikkan harga ikan yang dimilikinya, LKIM boleh keluarkan ikan dalam stok untuk stabilkan harga," katanya.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin berkata, langkah sumpama ini boleh dibuat dengan melantik konsesi yang benar-benar boleh diharapkan untuk mengawal industri sebagaimana diamalkan dalam industri beras yang tidak pernah berlaku isu kekurangan bekalan atau harga tinggi.

Pada masa sama, beliau membangkitkan karenah birokrasi apabila berlakunya 'little napoleon' dalam agensi kerajaan terutama di LKIM menyebabkan segala perancangan gagal dilaksanakan.



# Peraih bayar sesuka hati - Nelayan

Oleh OTHMAN YAHAYA  
utusannews@mediamula.com.my

**SUNGAI PETANI:** "Orang tengah ini seolah-olah mereka yang menentukan rezeki kami kerana mereka akan membayar sesuka hati bergantung kepada jumlah hasil laut yang diperolehi keseluruhan nelayan."

Itu luahan seorang nelayan daripada Pengkalan Kargo, Kuala Segantang Garam di Merbok ketika mengakui ada benarnya keluhan kira-kira 90,000 nelayan kecil tempatan di seluruh negara yang ditindas pemain industri gergasi sektor perikanan.

Yusuzamani Yusuf, 42, berkata, kurangnya perhatian pihak berkuasa terhadap isu yang telah lama membelenggu nelayan menyebabkan kehidupan mereka ibarat kais pagi makan pagi.

"Jika hasil tangkapan keseluruhan sedikit, orang tengah akan menaikkan harga dan sebaliknya jika tangkapan ikan, udang dan ketam banyak, harga bertukar rendah."

"Kami nelayan kecil yang mencari rezeki dan tidak mempunyai lesen bot ini akan lebih terkesang yang menjadi penyebab mengapa taraf kehidupan kami sukar untuk berubah," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Seorang lagi nelayan di Pengkalan Haji Hassan, Zaidi Rejab, 31, berkata, ketiadaan lesen bot membolehkan nelayan sepertinya tidak berpeluang memasarkan sendiri hasil tangkapan sebaliknya terpaksa menggunakan khid-



NELAYAN mengasingkan hasil tangkapan mereka sebelum dijual kepada peraih selepas pulang dari laut di Pengkalan Haji Hassan, Kampung Kuala Segantang Garam, Merbok di Sungai Petani, semalam. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA

mat orang tengah.

"Kami juga tidak mendapat subsidi atau Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) yang boleh diguna untuk menampung."

"Jadi hasil tangkapan harian perlu dijual kepada orang tengah untuk memperoleh wang menyara keluarga," katanya.

Menurutnya, hasil tangkapan laut yang dibeli orang tengah sememangnya tiga kali ganda rendah daripada harga pasaran.

"Ikan tenggiri contohnya dibayar RM25 sekilogram sedangkan di pasaran harganya mencecah RM45."

"Orang tengah membeli secara borong semua jenis ketam pada harga RM18 ke RM20 sekilo sedangkan mereka menjual mengikut gred yang boleh menjangkau RM60 bagi setiap kilogram," katanya.

Rakannya, Jauhari Kasim, 48, pula berkata, terlalu banyak untung diperolehi orang tengah, pe-

raih atau pemborong kerana tiada kawalan pihak berkuasa terhadap mereka selama ini.

Sementara itu, di Kuala Perlis, nelayan di situ mendakwa harga jualan kebanyakan tangkapan hasil laut kepada peraih tidak berubah sejak empat tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan yang hanya mahu dikenali sebagai Mat Rafi, 45, berkata, harga jualan bagi satu kilogram ikan kembung ke-

pada peraih adalah sekitar RM10 dan kekal sehingga ke hari ini.

Katanya, sekiranya saiz ikan lebih kecil, harga dibeli peraih adalah sekitar RM4 hingga RM5.

"Hanya harga udang dan ketam sahaja yang ada sedikit peningkatan tetapi di Kuala Perlis, bekalan udang dan ketam agak berkurangan kerana kebanyakan habitat rosak akibat aktiviti penangkapan siput retak seribu oleh nelayan luar," katanya.

## Nelayan pilih jual sendiri

**JOHOR BAHRU:** Nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru di sini memilih menjual sendiri hasil tangkapan berbanding menjualnya kepada orang tengah kerana berpeluang memperoleh bayaran yang lebih baik.

Alihan Khalid, 60, memberitahu, perbezaan harga yang boleh diperolehi mereka adalah kira-kira RM5 sekilogram.

Alihan yang sudah menjadi nelayan sejak berusia awal 30-an memberitahu, jika tidak dijual sendiri, nelayan di kawasan berkenaan gemar menjual hasil tangkapan mereka kepada pembeli dari pasar awam di Pontian.

"Kami memilih untuk menjual ikan kepada pembeli dari Pontian berbanding kawasan lain kerana mereka mengambil dengan harga yang lebih tinggi. Jadi, walaupun sedikit jauh itu

tidak menjadi masalah.

"Kebiasaannya ikan-ikan yang dijual kepada pembeli berkenaan berada dalam kualiti yang baik, sama ada dari segi kesegaran dan saiznya," katanya semalam.

Katanya, nelayan di kawasan berkenaan tidak pernah berdepan masalah diugut orang tengah untuk menjual hasil dengan harga terlalu murah.

Seorang lagi nelayan, Md. Amin Jantan, 67, memberitahu, ada antara golongan peraih yang menaikkan harga belian mereka sebanyak RM1 berbanding sebelum ini.

"Walaupun kita tahu orang tengah beli untuk dijual semula, tetapi bagi saya harga yang ditawarkan mereka masih lagi berbaloi dengan kudrat saya untuk keluar ke laut," jelasnya.

Di Kota Kinabalu, tiada orang

tengah atau peraih memudahkan peniaga di Pasar Ikan di sini mengawal harga ikan di pasarari.

Anding Mandangan, 40, berkata, kebanyakan peniaga di pasar itu memperoleh bekalan ikan secara terus daripada nelayan jadi, tiada pembabit orang tengah.

Maka, isu orang tengah atau peraih mengaut keuntungan berlebihan tidak timbul kerana peniaga di sini tidak membeli ikan melalui orang tengah.

"Harga ikan bergantung kepada faktor cuaca, jika musim hujan harganya memang akan naik. Tapi, biasanya kenaikan harga tidak terlalu tinggi."

"Ikan bersaiz besar seperti ikan tenggiri, harganya ditetapkan nelayan boleh serendah RM23 sekilogram dan paling mahal pun RM28 sekilogram," katanya.



ANDING Mandangan meletakkan ikan untuk dijual digerainya Pasar Ikan Kota Kinabalu, semalam.



28/6/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

5

# Nelayan perlu tegas, usah tunduk tekanan peraih

**PASIR PUTEH:** Golongan nelayan perlu bersikap tegas dan tidak tunduk kepada tekanan daripada pemborong dalam penetapan harga jualan ikan segar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan Ismail Awang Mat, 50, berkata, urusan jual beli ikan hanya berlaku apabila nelayan mencapai kata sepakat berkaitan harga jualan dengan pemborong.

"Kita guna keadaan tawar-menawar sehingga bersetuju dengan harga tertentu...barulah ikan itu akan dijual kepada mereka (pemborong).

"Sebahagian pemborong banyak membantu kami (nelayan) dengan menyalurkan pinjaman wang untuk membeli pukal dan sebagainya untuk turun ke laut. Ia menjadi 'ikatan' perjanjian antara nelayan pesisir pantai untuk tidak menjual hasil tangkapan mereka kepada pihak lain,"



**Sukar untuk menyatakan harga borong di jeti pendaratan ikan kerana ia sentiasa berubah."**

**SARIPUDIN ISHAK**

ketika ditemui di pesisir terusan Tok Bali di sini semalam.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak turut menafikan wujud penindasan orang tengah dalam proses jual beli ikan di negeri ini.

Katanya, hal ini kerana tradisi tawar-menawar sudah menjadi

amalan antara golongan nelayan dan pemborong yang membeli ikan dalam kuantiti banyak.

"Sukar untuk menyatakan harga borong di jeti pendaratan ikan kerana ia sentiasa berubah.

"Sebagai contoh, di musim bulan purnama harga pada waktu pagi, tengah hari dan petang berbeza-beza. Bagaikanapun semua itu bergantung kepada persetujuan antara nelayan, pemilik bot dan pemborong utama," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Besar Syarikat Perikanan Gelombang Utama Sdn. Bhd. di Tok Bali, Fauzi Abdul Rahman berkata, harga ikan selar kuning dijual pada harga borong RM5 namun di Pasar Wakaf Che Yeh harga ikan tersebut dijual lebih mahal.

Katanya, bagaimanapun harga runcit ikan selar kuning sudah mencecah RM10 hingga RM12 sekilogram di Pasar Siti Khadijah

"Begitu juga dengan ikan

tongkol yang dijual harga borong (satu hingga tiga tan pembelian) pada harga bawah RM10 sekilogram meningkat kepada RM17 sekilogram di pasar.

"Semuanya disebabkan oleh kos pengurusan yang semakin tinggi berbanding sebelumnya," katanya.

Fauzi mendedahkan, kekurangan bekalan ikan ketika ini disebabkan banyak bot laut dalam C2 yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di lokasi 30 batu nautika.

Katanya, ramai pengusaha bot laut dalam tidak berupaya menanggung kos bahan api tanpa subsidi yang tinggi selain terpaksa membiayai kos keperluan awak-awak.

"Harga ikan yang didaratkan di pengkalan terpaksa dijual dengan harga yang sama sebagaimana bot Zon A, Zon B dan C yang mendapat pembi-

ayaan subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter berbanding Bot C2 menanggung kos lebih RM4 untuk seliter diesel," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Nelayan Unit Bagan Ajam, Pulau Pinang, Mazlan Abdul meminta kerajaan menyedut dan memudahkan pasar untuk nelayan memasarkan terus hasil tangkapan mereka.

"Nelayan di kawasan lain seperti di Penaga dan Kuala Muda dapat pasarkan hasil laut terus kepada unit dan ada yang jual terus kepada pelanggan kerana mereka mempunyai kemudahan pasar.

"Jika dapat pasarkan sendiri memang nelayan akan dapat lebih untung, namun setakat ini nelayan di Bagan Ajam masih perlu gunakan orang tengah kerana tiada fasiliti untuk kami pasarkan hasil terus," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	HARIAN METRO	BISNES	23

## DANA AGROMAKANAN KELUARGA MALAYSIA

# Agrobank sedia pembiayaan RM5j

Kuala Lumpur

Agrobank yakin peruntukan dana menerusi program Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) yang diagihkan mengikut keperluan industri makanan utama mampu memenuhi keperluan semasa dan secara beransur-ansur memperkukuhkan kedudukan sekuriti makanan negara.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja



Hussin (*gambar*) berkata, pihaknya berbesar hati kerana terus diberikan kepercayaan oleh kerajaan untuk menerajui sektor pertanian negara menerusi produk pembiayaan dan solusi kewangan patuh syariah dan memenuhi keperluan komuniti pertanian termasuk yang menjalankan aktiviti perhuluan dan penghiliran.

"Usaha berterusan Agrobank menerusi program pembiayaan rantai penuh sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara yang bertujuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) makanan," katanya dalam kenyataan.

### INFO

Tawar tempoh pembiayaan yang kompetitif hingga 8.5 tahun pada kadar keuntungan serendah 3.0 peratus.

Pada enam bulan pertama, Agrobank memberi moratorium secara automatik pada kadar keuntungan sifar peratus.

Pelanggan mula dikenakan kadar keuntungan serendah 3.0 peratus pada bulan ketujuh pembiayaan dan seterusnya.

Program DPAKM adalah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan jumlah pembiayaan sehingga RM5 juta bagi pengusaha ternakan ayam,

ruminan dan sayuran.

Program ini menawarkan tempoh pembiayaan yang kompetitif sehingga 8.5 tahun pada kadar keuntungan serendah 3.0 peratus.

Pada enam bulan pertama, Agrobank akan memberikan moratorium secara automatik pada kadar keuntungan sifar peratus.

Pelanggan akan mula dikenakan kadar keuntungan serendah 3.0 peratus hanya pada bulan ketujuh pembiayaan dan seterusnya.

Katanya, Agrobank optimis dalam menyokong Dasar Agromakanan Negara.

"Kami bergerak seiring mandat dan perancangan kerajaan serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) khususnya, bagi membangunkan beberapa pelan strategik sebagai solusi kepada isu krisis jaminan bekalan makanan negara," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	THE SUN	NEWS	3

## Move to modernise agriculture community in rural areas

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) has been tasked with setting up laboratories in rural areas in the state to introduce modern and commercial agriculture to residents there.

Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Abang Openg said exposing the rural farming community to modern technology could attract the younger generation to view agriculture as a business venture and not a low-class vocation.

He said Unimas, with other local institutions and government agencies, had the means to provide new technology to help such communities but the greater task would be to change public perception, especially among youth.

"It is just a matter of convincing farmers and their children to take agriculture as a business," he said at the Unimas Commemorative Convocation yesterday.

He added that the Sarawak government was gearing towards turning the state into a nett exporter of food products by 2030, and has established several agro parks to achieve the objective.

Abang Johari said the target would require the state government to plan more basic and digital infrastructure to encourage more downstream agriculture industries to be established.

He added that Sarawak could also ride on its vast land mass to attract overseas investors facing space scarcity to carry out agriculture ventures.

"Private sector (firms) from overseas can come and they can become anchor (companies). They can buy from ordinary farmers and they can export it. What is important is the quality of the food, that must be of international standard"

He also said Sarawak was blessed with natural resources that could be processed and turned into fertilisers or feedstock, that could then reduce imports of such materials to meet the needs of its agriculture sector.

- Bernama



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2022	BERITA HARIAN	MINDA PEMBACA	13

# Utamakan industri pertanian tempatan jamin keselamatan makanan

**Mohammad Abdul Hamid,**  
Pertubuhan IKRAM  
Malaysia

Isu jaminan keselamatan makanan negara adalah persoalan kritikal yang memerlukan perhatian, tindakan dan penjajaran semula oleh pihak kerajaan. Namun, ia juga perlu sokongan daripada pemegang

taruh dalam industri dan tidak terkecuali, pengguna.

Untuk menangani isu jaminan keselamatan makanan, kebergantungan negara terhadap import hendaklah dikurangkan, sama ada makanan mahupun bahan yang diperlukan untuk menghasilkan makanan di dalam negara.

Strategi ini memerlukan perancangan yang menyeluruh, pembabitan pelbagai agensi, institusi penyelidikan atau universiti serta industri dan akan mengambil masa.

Sehubungan itu, menjadi satu keperluan yang amat mendesak supaya kerajaan bersegera dalam menggerakkan dan memudah cara usaha ini.

Strategi mengurangkan kebergantungan terhadap import bermaksud sektor pertanian tempatan hendaklah diberi keutamaan sewajarnya. Peranan sains, teknologi dan inovasi sangat kritikal untuk memajukan sektor ini sehingga mampu menjadikan Malaysia mandiri dalam keselamatan makanannya.

Untuk menjayakan hasrat ini, ekosistem yang

konduif hendaklah diwujudkan oleh kerajaan untuk memastikan perjalanan yang lancar dan berkesan sehingga dapat membuahakan hasil dihasratkan.

Pelaksanaan profesional dan telus dapat mengelakkan berlakunya dominasi apatah lagi ketirisan dan salah laku oleh pihak berkepentingan yang akhirnya bakal merugikan negara.

Daya tahan rakyat negara ini pula perlu ditingkatkan untuk menyiapkan mereka dengan pelbagai kemungkinan dalam dunia yang semakin tidak menentu.

Ini termasuklah dengan berbelanja secara berhemat dan membuat simpanan (menabung) sebagai persediaan bagi menghadapi situasi sukar, khususnya golongan yang bekerja dalam sektor tidak formal dan dalam ekonomi gig.

Kedua, mengamalkan amalan pemakanan yang sihat, seperti yang dicadangkan Kementerian Kesihatan. Antaranya mengurangkan penggunaan gula, krimer, makanan tinggi karbohidrat dan lain-lain lagi.

Selain itu, kita perlu mengelakkan pembaziran makanan. Pada masa sama, bantuan bersasar hendaklah disalurkan oleh pihak kerajaan kepada golongan yang memerlukan, mengambil kira faktor yang membezakan kos sara hidup berdasarkan kedudukan geografi, saiz isi rumah dan lain-lain.

# Antara bertani dan berperang



VANGUARD

MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

**B**aru-baru ini Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyatakan bahawa kementerian itu berhasrat mewujudkan kawasan tanaman di setiap kem angkatan tentera di seluruh negara bagi menjamin sekuriti makanan terutama untuk keperluan anggota.

Kenyataan ini disokong oleh Panglima Tentera Darat apabila memaklumkan Ladang Integrasi Tentera Darat di Kem Syed Sirajudin telah dijadikan projek rintis menerusi Program Kelestarian Makanan Tentera Darat (TD) bertujuan membantu meringankan kos sara hidup warganya melalui hasil pertanian.

Pelbagai pendapat mengenai perkara ini telah dilontarkan di media elektronik dan sosial dengan ada yang menyokong dan tidak kurang juga yang mencemuh. Mereka yang kurang bersetuju secara armya melihat perkara ini sebagai sesuatu yang tidak konsisten dengan tugas teras pegawai dan anggota tentera.

Kata mereka, masa yang terluang perlu diisi dengan latihan dan kemahiran berkaitan ilmu tempur yang semakin mencabar dalam peperangan moden kini dan masa hadapan serta bukannya dikerah untuk bercucuk tanam bagi mengisi keperluan bekalan makanan negara yang semakin mendesak.

Apa yang dilontarkan Hishammuddin adalah sesuatu yang bernas, namun mungkin masa dan keadaan ia dikehendaki tidak begitu tepat serta boleh dianggap sebagai hanya satu langkah populis oleh sesetengah pihak. Mungkin ada yang akan menyatakan bahawa langkah ini seiring dengan pepatah Melayu, 'sudah terhantuk baru tengadah'.

Sekiranya apa yang dijelaskan Panglima TD adalah benar, bahawa ia bertujuan meringankan kos sara hidup warganya melalui penggunaan sendiri dan penjualan hasil pertanian secara berskala kecil, ia adalah langkah bijak. Apa yang dibimbangkan ialah tanggungjawab sekuriti makanan sektor tertentu pada suatu masa nanti akan dibebankan pula kepada pihak seperti TD. Ini adalah sesuatu yang tidak mustahil kerana dengan disiplin serta etika kerja warga TD, aktiviti pertanian berskala besar mampu dilaksanakan dengan jayanya.

Seperti telah dijelaskan, kemunculan krisis bekalan dan sekuriti makanan yang semakin memuncak sejak

kebelakangan ini, TD seakan telah dipanggil secara 'bidan terjun' untuk menjamin sekuriti makanan terutama untuk keperluan anggota.

Di negara ini, seharusnya tanggungjawab memastikan bekalan makanan, terutama yang boleh dihasilkan dalam negara, perlu dipikul oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Cetusan idea seperti yang dinyatakan Hishammuddin sepatutnya telah lama menjadi antara agenda utama MAFI.

ia sebagai langkah jangka panjang menangani ancaman bekalan dan sekuriti makanan negara.

Sebenarnya idea ini juga, jika mahu dilaksanakan, tidak perlu dihadkan hanya kepada kem tentera sahaja, bagaimana pula dengan jabatan-jabatan atau agensi kerajaan lain yang turut mempunyai kawasan tanah terbiar?

Malah pada 2018, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ketika itu mengemukakan bahawa ia bakal mengoptimalkan penggunaan tanah-terbiar di seluruh negara dalam usaha menjamin bekalan makanan negara.

Menteri pada waktu itu mengemukakan tanah terbiar seluas 119,273 hektar akan dibangunkan di seluruh negara melalui Inisiatif Projek Pembangunan Tanah Terbiar. Persoalannya kenapa ia masih gagal menjamin sekuriti makan-

an negara hari ini?

Dengan 'pergolakan' yang dilihat berlaku hari ini dalam kalangan pegawai dan anggota veteran ATM dengan Kementerian, mungkin jalan terbaik adalah untuk melibatkan mereka secara langsung dengan aktiviti pertanian secara berskala besar agar dapat memenuhi aspirasi sekuriti makanan negara.

Dengan cara ini pegawai dan anggota TD yang masih berkhidmat tidak perlu 'dibebankan' dengan penugasan pertanian dan boleh terus memberikan fokus terhadap kesiapsiagaan mempertingkatkan ilmu tempur.

Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) telah lama melaksana program khusus di mana Jabatan Pertanian atau *United States Department of Agriculture* (USDA) negara tersebut membantu veteran angkatan tenteranya untuk menceburi bidang pertanian.

Antara bantuan yang diberi oleh USDA adalah dalam bentuk dana kewangan untuk pertanian dan penternakan, khidmat teknikal selain pengurusan risiko dalam bidang yang diceburi.

Bantuan ini disalurkan kepada lebih dari 2,300 pusat perkhidmatan khas USDA di seluruh AS.

\* *Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertahanan dan pernah menerima anugerah wartawan terbaik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007.*



# Durian susu isi putih, rasa premium

Dijual antara RM10 hingga RM13 sekilogram

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
**NILAI**

**D**urian susu yang terdapat di Kampung Rawa, Lenggeng di sini, merupakan antara kategori durian kampung premium yang kini menjadi pilihan penggemar raja buah itu. Pengusaha kebun durian, Datuk Mohd Zain Maarof, 68, berkata, durian itu diberi nama susu kerana rasanya lemak-lemak manis dan isinya yang berwarna putih seperti susu.

Menurutnya, meskipun warnanya tidak menarik seperti durian musang king atau IOL, tetapi rasanya sedap dan isinya agak tebal.

"Biasanya orang nak beli durian akan cari durian yang berwarna kuning atau oren, tapi saya nak uar-uarikan ada buah durian unik berwarna putih yang rasanya mantap.

"Harganya juga berpatutan dijual antara RM10 hingga RM13 sekilogram yang saya rasa ia mampu dibeli oleh orang ramai," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Zain yang mempunyai 4.8 hektar kebun durian di Lenggeng dan Batu Kikir, Jempol berkata, terdapat 20 jenis durian ditanam di kebunnya dan salah

satunya ialah durian susu.

Ujarnya, pokok durian itu ditanam oleh arwah ibu dan bapa nya yang kini sudah berusia 40 tahun.

Menurutnya, durian susu itu unik kerana kulitnya agak tebal dan masih elok meskipun selepas tiga hari gugur dari pokok.

"Kalau durian kampung lain, biasanya selepas tiga hari gugur buah itu akan terbuka, tapi tidak durian susu.

"Bagi saya tak rugi kalau tanam pokok durian susu kerana ia lebih tahan dan yang penting rasanya premium. Cuma durian ini kurang dikenali," kata beliau.

Sementara itu katanya, terdapat pelbagai jenis durian unik lain di Lenggeng seperti durian tapak gajah, durian terbaga, durian batang dan durian jantung.

Mohd Zain berkata, dia baru menjanamkan satu jenis durian di kebunnya iaitu DZ9 yang mana ia berpotensi untuk dikomersialkan.

"Sebenarnya durian kampung ini tak kurang hebatnya, cuma ia kurang diketengahkan seperti durian 'klon kayangan' lain yang biasa ada di pasaran," jelas beliau.

Sementara itu, peminat durian, Aidi Rosli Khalim, 60, berkata, berdaripakan pengamatannya, selain Lenggeng, terdapat beberapa



Mohd Zain menunjukkan durian susu yang dijual di gerainya.



Mohd Zain mengutip buah durian di kebunnya di Kampung Rawa, Lenggeng.

lokasi lain yang mempunyai baka durian susu.

"Saya dapati ia diberi nama susu kerana rasanya yang manis, lemak, berkrim dan sedikit pahit. Tapi kadang-kadang kita akan jumpa elemen kelima iaitu rasanya seperti susu dan vanila.

"Jika durian susu di Muar, Johor rasanya terlalu manis seperti susu pekat manis berbanding di Lenggeng ini, rasanya tidak membosankan dan biasanya sebiji sudah puas untuk dimakan bersama sesi keluarga," katanya.



Thailand enggan keluarkan surat kebenaran eksport lembu ke negara ini

## Bekalan lembu kurang 30 peratus

Oleh NAZLINA NADZARI  
ufusan@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Bekalan lembu untuk ibadah korban tahun ini dijangka berkurang hingga 30 peratus ekoran keengganan Thailand mengeluarkan surat kebenaran eksport lembu ke negara ini.

Sebahagian besar bekalan daging di negeri ini membabitkan 80 peratus bekalan lembu import dengan 20 peratus sahaja tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Penternak Ruminan negeri, Abdullah Nayan berkata, masalah tersebut berlaku ekoran tempoh kuarantin lembu import yang ditetapkan selama 28 hari oleh kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberi kekangan kepada negara jiran itu.

Katanya, meskipun kerajaan Malaysia telah mengurangkan tempoh tersebut kepada 14

hari selepas itu, namun pihak Thailand sudah tidak mahu lagi membawa lembu masuk ke sini.

Ujarnya, alasan yang diberikan adalah mereka tidak dapat penuhi syarat yang ditetapkan.

"Oleh itu, kami menjangka bekalan akan berkurangan sehingga 30 peratus memandangkan sebahagian besar bekalan daging di negeri ini membabitkan lembu import iaitu 80 peratus.

"Mungkin pada tahun ini ramai yang ingin menjalankan ibadah korban setelah dua tahun berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun hasrat sebahagian besar mereka itu mungkin terbantut ekoran kekurangan bekalan," katanya.

Tambah Abdullah, kebanyakan lembu import yang digunakan untuk ibadah korban dibawa masuk dari Thailand berbanding Australia.

Ini kerana katanya, harga dari Thailand adalah lebih murah berbanding Australia.

"Harga lembu dari Thailand lebih kurang sama dengan harga lembu tempatan iaitu RM3,800 hingga RM5,700 seekor atau membabitkan berat 200 hingga 300 kilogram.

"Oleh kerana masalah bekalan yang tidak mencukupi, mungkin ramai yang tidak dapat melakukan ibadah korban tahun ini," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr. Adam Abdullah Kwan berkata, pihaknya belum mempunyai maklumat mengenai jumlah lembu dan ternakan ruminan untuk digunakan bagi menjalankan ibadah korban tahun ini.

"Mengikut rekod, Perlis mempunyai 357 penternak ruminan besar membabitkan 4,376 ekor lembu dan kerbau.



BEKALAN lembu untuk ibadah korban tahun ini dijangka berkurangan hingga 30 peratus ekoran keengganan Thailand mengeluarkan surat kebenaran eksport lembu ke negara ini. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI.

## Tempahan kambing naik sempena Aidiladha

**ARAU:** Penternak kambing di negeri ini tidak menang tangan sempena Hari Raya Aidiladha apabila tempahan haiwan tersebut meningkat sehingga 40 peratus berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Peningkatan itu turut didorong apabila bekalan lembu pada tahun ini yang didakwa berkurangan sehingga 30 peratus seterusnya menyebabkan orang ramai beralih kepada kambing untuk ibadah korban.

Bagi seorang penternak, Husmizar Hussain, 42, dari Jalan Kolam, Kampung Alor Merah di sini, dia mampu menjual lebih 210 ekor kambing untuk ibadah korban tahun ini berbanding sekitar 150 ekor pada tahun lalu.

Katanya, peningkatan tersebut juga didorong apabila umat Islam kembali boleh menunaikan ibadah korban seperti biasa selepas dua tahun berdepan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ujarnya, tempahan sempena Aidiladha tahun ini disifatkan antara paling tinggi sejak mula menternak kambing 12 tahun lalu.

"Memandangkan permintaan yang meningkat, saya menyediakan sehingga 300 kambing. Tahun ini paling banyak tempahan selepas PKP dua tahun lalu di mana ketika itu, saya hanya mampu jual 30 ekor sahaja.

"Selain itu, bekalan lembu yang dikatakan berkurangan tahun ini turut mendorong orang ramai memilih kambing untuk ibadah korban," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Husmizar, kambing yang dijualnya adalah serendah RM700 sehingga RM3,000 bergantung kepada saiz haiwan berkenaan.

Katanya, dia tetap mengekalkan harga sedia ada disebalik kenaikan harga kos makanan haiwan ternakan tersebut sejak kebelakangan ini.

"Pelanggan saya bukan sahaja terdiri daripada penduduk negeri ini, malah mereka yang tinggal di luar negeri ini juga membuat tempahan di sini.

"Kambing selalunya lebih mudah kerana boleh ambil pada bila-bila masa sahaja berbanding lembu yang memerlukan persediaan awal mengikut bahagian-bahagian," katanya.

Seorang lagi penternak, Che Amah Che Mid, 52, pula berkata, menjelang dua minggu sebelum Aidiladha, dia sudah menerima tempahan kambing untuk ibadah korban hampir 40 ekor.

"Tempahan kambing agak meningkat dengan saya menyasarkan menjual kambing sehingga 70 ekor dan lembu pula sudah terjual sekitar lima hingga enam ekor," katanya.